

KM JAS 17/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA
DALAM NEGARA**

4 Jun 2024, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 11 pagi ini menunjukkan **34** kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, **32** kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan satu (**1**) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat iaitu di Kuala Dungun, Terengganu (IPU : **153**) yang disebabkan oleh kebakaran hutan belukar (kawasan tanah gambut) di Kampung Tok Kah, Daerah Dungun, Terengganu.

Susulan daripada status bacaan IPU mencecah bacaan 151-200 dalam tempoh melebihi 24 jam di Kuala Dungun, Terengganu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan Nota Pemberitahuan Amaran Awal 2 kepada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) untuk tindakan hebahan Notis Kesiapsiagaan Operasi Bencana ke peringkat negeri dan daerah terbabit untuk mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Daerah/Negeri dan mengambil segala tindak balas berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan drone serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa. Koordinasi di antara agensi berkaitan bagi merancang kerja-kerja pemadaman dan kawalan kebakaran turut telah diadakan.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 3 Jun 2024 melaporkan di rantau ASEAN selatan mengalami cuaca mendung di kebanyakan bahagian kecuali di bahagian tengah Sumatera dan sebahagian Borneo yang mengalami cuaca kering. Tiada titik panas diperhatikan di rantau selatan ASEAN. Tiupan angin diramalkan bertiup dari timur ke tenggara.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**


-TAMAT-

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

PETA JEREBU SERANTAU 3 JUN 2024

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation

Shower activities prevailed over many parts of the ASEAN region today while cloudy and slightly drier conditions were observed over central Sumatra, parts of Borneo, as well as central Mekong sub-region. Hotspot activities were mainly subdued, however few to isolated hotspots were detected mainly Cambodia and Viet Nam. No significant smoke plumes were observed from satellite imagery.

Updated 5:18 PM 03 Jun

Weather and Haze Outlook

In the coming days, wet weather is expected to persist over most parts of the ASEAN region while drier conditions are forecast over parts of central Mekong sub-region. Hotspot activities over the ASEAN region are expected to be low as a whole, however, localised hotspots and smoke plumes may develop in drier areas. The prevailing winds south of the Equator are expected to blow from the east to southeast while westerly to southwesterly winds are forecast north of the Equator.

Updated 5:18 PM 03 Jun

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 11 PAGI, 4 JUN 2024

CAQM CURRENT API VALUE & CLASS			
STATION ID	LOCATION	Date/Time: 04/06/2024 11:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	51 ^{ss}	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	51 ^{ss}	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	89 ^{ss}	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	53 ^{ss}	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	57 ^{ss}	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	60 ^{ss}	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	56 ^{ss}	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	53 ^{ss}	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	48 ^{ss}	Good
CA10A	Talping, PERAK	58 ^{ss}	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	54 ^{ss}	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	45 ^{ss}	Good
CA13A	Seri Manjung, PERAK	64 ^{ss}	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	46 ^{ss}	Good
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	52 ^{ss}	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	56 ^{ss}	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	58 ^{ss}	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	54 ^{ss}	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	59 ^{ss}	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	57 ^{ss}	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	65 ^{ss}	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	76 ^{ss}	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	57 ^{ss}	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	47 ^{ss}	Good
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	40 ^{ss}	Good
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	55 ^{ss}	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	57 ^{ss}	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	56 ^{ss}	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	52 ^{ss}	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	56 ^{ss}	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	51 ^{ss}	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	56 ^{ss}	Moderate
CA34J	Pasar Gudang, JOHOR	56 ^{ss}	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	48 ^{ss}	Good
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	41 ^{ss}	Good
CA66J	Tangkak, JOHOR	52 ^{ss}	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	37 ^{ss}	Good
CA38C	Temerloh, PAHANG	39 ^{ss}	Good
CA39C	Jerantut, PAHANG	37 ^{ss}	Good
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	45 ^{ss}	Good
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	39 ^{ss}	Good
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	56 ^{ss}	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	47 ^{ss}	Good
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	42 ^{ss}	Good
CA45T	Besut, TERENGGANU	34 ^{ss}	Good
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	54 ^{ss}	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	56 ^{ss}	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	33 ^{ss}	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	28 ^{ss}	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	14 ^{ss}	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	13 ^{ss}	Good
CA52S	Keningau, SABAH	30 ^{ss}	Good
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	27 ^{ss}	Good
CA54Q	Limbang, SARAWAK	18 ^{ss}	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	19 ^{ss}	Good
CA56Q	Miri, SARAWAK	23 ^{ss}	Good
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	28 ^{ss}	Good
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	34 ^{ss}	Good
CA59Q	Mukah, SARAWAK	17 ^{ss}	Good
CA60Q	Kapit, SARAWAK	12 ^{ss}	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	19 ^{ss}	Good
CA62Q	Sarikel, SARAWAK	14 ^{ss}	Good
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	12 ^{ss}	Good
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	19 ^{ss}	Good
CA65Q	Kuching, SARAWAK	28 ^{ss}	Good
STATION ID	LOCATION	Date/Time: 04/06/2024 11:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Kuala Dungun	153 ^{ss}	Unhealthy
MCAQM002	IPD Serian	15 ^{ss}	Good
MCAQM003	Poli teknik Kota Kinabalu	NA	NA